

'Jaga akhlak, tegur berhemah perlu jadi amalan pemimpin'

Putrajaya: Menjaga akhlak, tidak mengejar kuasa dan kekayaan serta menegur secara berhemah perlu menjadi amalan seseorang pemimpin dalam menunaikan tanggungjawab kepada rakyat dan negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berucap pada Majlis Ilmu MADANI di Seri Perdana, malam kelmarin, beliau berkata, sesebuah tamadun perlu diperkukuhkan dengan adanya seorang pemimpin yang mempunyai nilai akhlak seumpama itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah meneliti dan menghadam pesanan ulama Profesor Dr Yusri Rusydi Al-Hasany, yang berpesan bahawa tama-

dun akan runtuh sekiranya seseorang pemimpin gelojoh kuasa, kejar kekayaan, terbabit rasuah dan berhasad dengki.

Selaras Malaysia MADANI

Katanya, konsep Malaysia MADANI diperkenalkan bagi membina sebuah tamadun yang mempunyai nilai dan akhlak tinggi serta menitikberatkan aspek sama rata dalam memimpin sebuah negara dengan rakyat berbilang kaum.

"Benar, kita perlu ada teknologi canggih, sistem pendidikan dan kesihatan yang baik, tetapi terasnya masih dengan nilai ini yang disebut MADANI," katanya.

Pada 19 Januari lalu, Anwar memperkenalkan konsep Mala-

ysia MADANI yang berteraskan enam prinsip iaitu keMampaan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan.

Majlis Ilmu MADANI itu dihadiri kira-kira 250 tetamu dari pelbagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Malaysia serta Pertubuhan Penggerak Dakwah Putrajaya.

Majlis dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, disusuli bacaan selawat serta zikir, tazkirah dan solat Isyak berjemaah. **BERNAMA**